# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

## KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

19 SEPT 2016
ISNIN

| AKHBAR | TAJUK BERITA | M/S |
|---|---|---|
| KOSMO | PDK KOTA MASAI BIMBING 38 OKU | 2 |
| SINAR HARIAN | MESYUARAT KHAS BINCANG IMPAK PERSEMPADANAN | 3 |
| SINAR HARIAN | PEKERJA SWASTA MAUT KEMALANGAN | 4 |
| HARIAN METRO | GILAP BAKAT PELATIH PDK DALAM PELBAGAI KEMAHIRAN | 5 |
| THE STAR | WEE: BN TOP LEADERS TO DECIDE SEAT CHANGES | 6 |
| THE STAR | CENTRE HELPS PEOPLE WITH DISABILITIES IN KOTA MASAI | 7 |



# KOSMO

19/9/16 kosmo

## PDK Kota Masai bimbing 38 OKU

**PASIR GUDANG** – Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Kota Masai di sini yang dilancarkan kelmarin merupakan antara 72 buah PDK di negeri ini yang memberi bimbingan terbaik kepada orang kelainan upaya (OKU) melakukan aktiviti pemulihan.

Pengerusi Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Kota Masai, Datin Suzana Jufrin (**gambar kecil**) berkata, pembangunan PDK Kota Masai membabitkan peruntukan kira-kira RM628,900 yang merangkumi kantin, pagar, dewan terbuka selain kemudahan kepada pelatih di tanah keluasan 0.25 hektar.



"PDK Kota Masai telah beroperasi sejak Mei tahun lalu dan mempunyai 38 pelatih yang diberi pendedahan bagi menggilap potensi diri dengan aktiviti bersesuaian.

"Kewujudan pusat ini juga antara usaha bagi membantu kumpulan sasar di sekitar kawasan ini supaya tidak tersisih dengan masyarakat," katanya ketika ditemui pada majlis pelancaran PDK Kota Masai yang disempurnakan oleh Yang Dipertua Badan Amal Tenaga Isteri Wakil-Wakil Rakyat Johor (Juita), Datin Rosni Omar semalam.

Hadir sama ialah Pengarah Kebajikan Masyarakat Johor, Datuk Daud Arbah dan Ahli Parlimen Pasir Gudang, Datuk Normala Abd. Samad.

Menurut Suzana, pelaksanaan program kebajikan badan pertubuhan seperti Juita perlu diteladani dalam mendorong ke arah usaha badan bukan kerajaan (NGO) berbakti kepada masyarakat.

Ujar beliau, pihaknya berharap pusat yang diwujudkan dapat menampung keperluan kanak-kanak OKU yang mempunyai masalah pembelajaran, fizikal, pertuturan dan pendengaran.



PDK Kota Masai yang dilancarkan pembukaannya semalam kini mempunyai 38 pelatih OKU yang diberi pendedahan untuk menggilap potensi diri.



SINAR HARIAN

# Mesyuarat khas bincang impak persempadanan

S/H 19/9/16


Ka Siong disambut ahli MCA Bahagian Pasir Gudang, semalam.

**PASIR GUDANG** – MCA akan mengadakan mesyuarat khas minggu depan untuk mengkaji secara mendalam impak berhubung kajian persempadanan semula kawasan oleh SPR terhadap parti itu.

Timbalan Presidennya, Datuk Seri Wee Ka Siong berkata, segala pandangan hasil mesyuarat khas yang bakal diadakan itu akan diserahkan kepada SPR mengikut saluran yang betul.

Katanya, tinjauan dan pandangan akar umbi akan dilihat secara mendalam memandangkan sebelum ini segala persediaan struktur organisasi dan kawasan pilihan raya berpandukan kepada sedia ada.

"Saya difahamkan, lebih 80 peratus kerusi ditandingi calon MCA terlibat dengan perubahan kajian itu.

"Kita akan memanggil mesyuarat khas minggu depan bagi membincangkan secara terperinci kesan kajian persempadanan semula itu," katanya pada sidang media selepas merasmikan Mesyuarat Agung MCA Bahagian Pasir Gudang, di sini, semalam.

Ditanya mengenai kenyataan Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri, Datuk Ir Hasni Mohammad yang juga Ketua Umno Bahagian Pontian yang ingin menuntut kerusi Dun Pulai Sebatang daripada MCA kepada Umno, Ka Siong berkata, sebarang pertambahan atau pertukaran daripada apa diperuntukkan pada PRU lalu seharusnya berpandukan kepada rundingan Presiden MCA dengan Pengerusi BN yang juga Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Menurutnya, apa yang penting penyandang jawatan bagi kerusi yang menang diamanahkan menjalankan kerja kepada semua pengundi dengan cemerlang.



# SINAR HARIAN

S/H 19/9/16







## Pekerja swasta maut kemalangan

Kereta dipandu dipercayai terbabas, langgar pembahagi jalan

AZIZAN INCHE HARUN

**PASIR GUDANG** - Seorang pekerja swasta maut selepas kereta jenis Proton Perdana yang dipandunya sendirian terbabas melanggar pembahagi jalan di Kilometer 24 Lebuh Raya Pasir Gudang berhampiran Flat Rosmerah, di sini, kira-kira jam 7.30 pagi, semalam.

Ketua Polis Daerah Seri Alam, Superintendan Jokhiri Abd Aziz berkata, mangsa, Gan Chin Huat, 40, mati di tempat kejadian selepas mengalami kecederaan serius di bahagian kepala.

Menurutnya, siasatan awal mendapati kemalangan dipercayai berlaku apabila kereta mangsa dari arah Pasir Gudang menghala ke Johor Bahru terbabas melanggar pembahagi jalan tengah.

"Kemudian sebuah kereta jenis Proton Saga yang juga dari arah Pasir Gudang gagal mengelak lalu melanggar kereta mangsa.

"Mangsa telah disahkan meninggal dunia di tempat kejadian selepas parah di bahagian kepala," katanya kepada *Sinar Harian*, di sini, semalam.

Jokhiri berkata, mayat mangsa telah dihantar ke Hospital Sultan Ismail (HSI) untuk tujuan bedah siasat.

Bagaimanapun, Jokhiri berkata, pemandu kereta Proton Saga tidak mengalami sebarang kecederaan.

"Kereta Proton Saga mengalami kerosakan di bahagian kanan bonet depan, manakala kenderaan mangsa rosak di bahagian bumper dan bonet hadapan, bumbung serta cermin hadapan pecah.

"Siasatan dijalankan bawah Seksyen 41 Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan siasatan lanjut masih diteruskan," katanya.



Mangsa maut di tempat kejadian selepas mengalami kecederaan parah di bahagian kepala.

# HARIAN METRO

H/M 19/9/16



ROSNI (tiga dari kanan) melihat hasil kerja pelajar istimewa ketika merasmikan PDK Kota Masai, kelmarin.



PELAJAR istimewa menyiapkan kraf tangan di PDK Kota Masai.

## Gilap bakat pelatih PDK dalam pelbagai kemahiran

**Pasir Gudang:** Bakat pelatih Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) perlu terus digilap termasuk dalam bidang kemahiran asas jahitan dan menghasilkan produk kraf tangan mengikut kesesuaian umur serta potensi mereka.

Yang Dipertua Badan Amal Tenaga Isteri Wakil-Wakil Rakyat Negeri Johor (JUITA) Datin Seri Rosni Omar berkata, pelatih PDK yang juga golongan orang kurang upaya (OKU) bukan saja diajar asas menguruskan diri dan kokurikulum, malah perlu diajar dengan pelbagai kemahiran.

Menurutnya, kemahiran asas jahitan seperti tulang belut, jahitan manik juga diperluaskan di PDK supaya pelatih mempunyai kemahiran manakala produk dihasilkan mampu menjana pendapatan kepada mereka dan keluarga.

"Kami mendapati kerja tangan pelatih PDK cantik dan boleh dipasarkan. JUITA berharap pelatih PDK diberi kemahiran tertentu seperti asas jahitan mengikut potensi dan kesesuaian umur mereka.

"JUITA merancang memperluaskan pasaran produk kraf tangan PDK termasuk kerjasama dengan sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menerusi Charity Shop mereka.

"Selain bakat dalam bidang seni, bidang kemahiran juga antara salah satu cabang bakat yang perlu digilap," katanya ketika menyempurnakan majlis Perasmian PDK Kota Masai, di sini, kelmarin.

Rosni berkata, pihaknya menghargai inisiatif tenaga pengajar yang mendedahkan kemahiran berkenaan kepada pelatih.

"Tanggungjawab dan tugasan mereka berat dan apabila dilakukan dengan penuh dedikasi, kami dapat melihat perubahan pada diri pelatih yang lebih berkeyakinan dan minat," katanya.



# THE STAR





**Meeting of minds:** Dr Wee (right) greeting officials and speakers during the Belt and Road International Academy Forum at Southern University College, Johor Baru.

## Wee: BN top leaders to decide seat changes

By KATHLEEN ANN KILI
kili@thestar.com.my

**JOHOR BARU:** Any change to seat allocations for Barisan Nasional component parties must be decided by its top leadership, MCA deputy president Datuk Seri Dr Wee Ka Siong said.

He said the matter should only be decided after discussions between presidents of component parties and Barisan's top leadership.

"The respective party presidents and Barisan chairman Datuk Seri Najib Tun Razak will have the final say on any change to be made to the existing seat allocations," he said after attending the Pasir Gudang MCA division meeting here yesterday.

Dr Wee, who is also the Johor MCA chairman, was commenting on reports quoting Pontian Umno division chief Datuk Hasni Mohammad as saying Umno would consider taking back the Pulai Sebatang state seat in the next general election.

The Pulai Sebatang state seat has been contested by MCA since 2004 and its assemblyman is Datuk Tee Siew Kiong, who is also the Johor MCA deputy chairman.

Dr Wee said while discussions on such matters at the grassroots level were inevitable, the ultimate decision would come from the top leadership with Barisan's best interest in mind.

The party's steering committee chairman for GE14 added that MCA would continue to focus on groundwork to win back the Johor Jaya state seat, which was won by DAP in the last general election.

"The Pasir Gudang division chief Tan Cher Puk will continue leading local members to secure a win," he said, urging members not to speculate on candidates standing in GE14.

Speaking to reporters after launching the Belt and Road International Academy Forum later, Dr Wee said leaders of political parties from both divides should maintain a certain maturity when representing Malaysia on international platforms.

Dr Wee, who is also Minister in the Prime Minister's Department, said foreign investors were not interested in the country's politics but its stability.

"In order to stay competitive and attract foreign investors, we have to prove to them that we have this stability.

"But if every day there are adverse reports here and there, do you think they will have confidence in Malaysia?

"We seldom see representatives of foreign opposition parties badmouthing their government during international meets," he added.

Dr Wee also encouraged local businesses to take advantage of Malaysia's diversity and act as China's strategic partner in paving the way for the republic to enter the Asean market in line with its Belt and Road initiative.

"Besides our strategic location and already being China's biggest trading partner, we are a multicultural society, which naturally makes us most strategic for China to enter the Asean market via Malaysia," he said.

# THE STAR

STARMETRO, MONDAY 19 SEPTEMBER 2016

T/S 19/9/16



## Centre helps people with disabilities in Kota Masai

**PASIR GUDANG:** The Community-Based Rehabilitation (PDK) centre in Kota Masai has been playing a key role in helping disabled people become more independent.

The centre was set up by the Johor Elected Representatives Wives Association (Juita) under its Penyayang project, said Juita president Datin Rosni Omar.

The centre, which has been in operation since May last year, has helped trainees become more confident, said Rosni.

"The Kota Masai PDK has become the 72nd centre to be set up in the state.

"Most of the trainees have Down syndrome, cerebral palsy or have other disabilities such as slow learners," she said, adding previously the disabled had to go to the Ulu Tiram PDK, located some 10km away.

"Having a centre here will reduce the burden of the trainees' parents and guardians as they do not have to spend so much time and money travelling," she said in her speech at the launch of the centre.

Rosni, who is the wife of Johor Mentri Besar Datuk Mohamed Khaled Nordin, said RM628,900 was spent to build the centre.

She added the PDK centre was one of Juita's efforts to help the less fortunate.

"This project is under the Juitaku Sayang 1 initiative.

"PDK centres were introduced in 1995 with the objective of helping the disabled people lead independent lives," she said.



Rosni (sitting, second from right) reading a book with some of the Kota Masai Community-Based Rehabilitation (PDK) centre trainees while Pasir Gudang MP Datuk Normala Abdul Samad (standing, fourth from left) looks on.

